

penjana

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

MyAssist MSME, SME Corp

BIL. 5/2020 | 9 JUN 2020

1. Apa itu MyAssist MSME?

- MyAssist MSME merupakan satu inisiatif Kerajaan untuk membantu PKS mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat bagi menjalankan perniagaan terutamanya pasca Covid-19.

2. Apakah jenis bantuan yang ditawarkan menerusi MyAssist MSME?

- Tarikh MyAssist MSME adalah sebuah platform dalam talian yang dibangunkan oleh SME Corp. Malaysia untuk membantu PKS dengan menawarkan khidmat nasihat perniagaan dan maklumat kemudahan kewangan, inovasi fasilitasi perdagangan, seminar, penjenamaan dan sokongan teknologi.
- Selain itu, MyAssist MSME juga menawarkan perkhidmatan padanan perniagaan (business matching) dengan syarikat anchor seperti syarikat multinasional, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), pasaraya besar, syarikat luar negara dan juga platform e-Dagang.

3. Apakah kementerian/ agensi yang terlibat dalam MyAssist MSME?

- Terdapat beberapa kementerian/ agensi yang terlibat dalam menawarkan perkhidmatan di bawah inisiatif ini, iaitu:
 - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)
 - SME Corporation Malaysia
 - Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
 - Jabatan Kastam Diraja Malaysia
 - Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MAGIC)
 - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)
 - Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)

4. Apakah syarat untuk menyertai MyAssist MSME?

- Mulai Penyertaan terbuka kepada semua perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang memenuhi definisi PKS. Bagaimanapun, untuk menyertai platform pepadanan perniagaan yang ditawarkan, PKS perlu mendapatkan Perakuan Status PKS dan berstatus milikan tempatan.

5. Apakah definisi PKS?

- Di Malaysia, PKS ditakrifkan berdasarkan dua kriteria iaitu jumlah jualan tahunan ATAU bilangan pekerja sepenuh masa seperti berikut:
 - Bagi sektor pembuatan, PKS ditakrifkan sebagai firma yang mempunyai jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang.

- Bagi sektor perkhidmatan dan sektor lain, PKS ditakrifkan sebagai firma yang mempunyai jualan tahunan tidak melebihi RM20 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang.
- Di bawah definisi ini, semua PKS mestilah merupakan entiti yang telah berdaftar dengan SSM atau pihak lain yang setaraf. Namun begitu ianya tidak meliputi entiti yang tersenarai di papan utama seperti Bursa Malaysia atau bursa utama di negara lain dan subsidiarinya serta subsidiari berikut:
 - Syarikat besar;
 - Syarikat multinasional (MNC);
 - Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC);
 - Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD); dan
 - Perusahaan milik Negara.

6. Adakah Status PKS?

- Bermula pada pertengahan bulan Mac 2020, SME Corp. Malaysia telah melaksanakan inisiatif untuk mengesahkan sama ada perniagaan/syarikat yang telah berdaftar adalah berstatus PKS ataupun tidak. Pengesahan status PKS yang dilaksanakan secara sistem dalam talian akan memudahkan syarikat/perniagaan daripada mengemukakan dokumen atau maklumat yang sama berulang kali kepada pihak yang berkaitan untuk mengesahkan status PKS syarikat/perniagaan.

7. Bagaimanakah cara untuk mendapatkan khidmat nasihat perniagaan di bawah MyAssist MSME?

- PKS boleh mendapatkan khidmat nasihat melalui Pusat Sehenti Keusahawanan (PSK) dan SME Hub yang terdapat di seluruh negara. Selain itu, PKS juga boleh melayari laman sesawang rasmi SME Corp. Malaysia

(www.smecorp.gov.my) dan FaceBook SME Corp. Malaysia bagi mengetahui maklumat terkini serta mendapatkan maklumat tentang pelbagai topik berkaitan pengurusan perniagaan PKS.

8. Bilakah platform pepadanan perniagaan (Business Matching) MyAssist MSME ini akan dibuka untuk pendaftaran?

- Platform ini dijangka akan dibuka untuk pendaftaran pada bulan September 2020.

9. Bagaimanakah cara untuk menghubungi SME Corp. Malaysia bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang MyAssist MSME ini?

- PKS boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai program MyAssist MSME melalui saluran berikut:
 - Info Line: 1300-30-6000
 - Fax Line: 03-2775 6001
 - Info Mail: info@smecorp.gov.my.

SME Corp. Malaysia

12 Jun 2020